

BAB DUA

TINJAUAN KAJIAN BERKAITAN PARTIKEL DALAM BAHASA ARAB

2.0 Pendahuluan

Dalam bab ini, penulis akan memulakan perbincangan dengan membentangkan beberapa aspek berkaitan penggolongan kata. Partikel adalah sebahagian daripada penggolongan kata dalam bahasa Arab. Seterusnya penulis akan membincangkan definisi partikel dan jenis-jenis partikel yang terdapat dalam bahasa Arab, perbezaan antara partikel dan fonem. Aspek lain yang juga akan disentuh dalam perbincangan ini ialah fungsi-fungsi makna yang wujud bagi setiap partikel. Aspek perbezaan antara bahasa Melayu dan bahasa Arab dari kaca mata kontrasif juga akan dibentangkan dalam bab ini bagi memudahkan mencari punca kepada masalah penguasaan partikel “al” dalam bab analisis nanti.

2.1 Penggolongan Frasa Kata Dalam Bahasa Arab

Partikel adalah sebahagian daripada komponen utama dalam penggolongan kata yang terdiri daripada kata nama (اسم), kata kerja (فعل) dan kata sendi yang juga dikenali sebagai partikel (حرف). Penulis akan memulakan perbincangan tentang

partikel dengan penerangan sejarah ringkas perkembangan linguistik Arab seterusnya aspek penggolongan berdasarkan pandangan linguis silam dan linguis moden. Ini perlu bagi melihat perbezaan pendapat antara mereka tentang aspek penggolongan kata yang partikel adalah sebahagian daripadanya.

2.1.1 Sejarah Ringkas Perkembangan Pengkajian Linguistik Arab

Kajian dalam aspek fungsi nahuan (المعنى اللغوي) dalam bahasa Arab bukanlah satu perkara yang baru. Ia telah dimulakan oleh *Si:bawayh* (m.180H) dan diteruskan oleh nahuan Arab selepasnya seperti *Abu: 'Alyy al-Fa:risiy* (m.377H) dan anak muridnya *Ibn Jinni:* (m. 392). Kemudian kajian fungsi nahuan ini mencapai kemuncaknya di tangan karya *'abd al-Qa:hir al-Jurjaniyy* (m.471H) berjudul *Dala:'il al-I'ja:z* melalui teorinya yang terkenal iaitu *al-Nazm*. Teori ini telah diaplikasi oleh *al-Zamakhsyariyy* (m. 538H) dalam buku tafsirnya yang terkenal *al-Kashsha:f.*(Wan Najmuddin:2002)

Walaupun bagaimanapun semua kajian diatas tidak disusun secara sistematik, sesuai dengan zaman mereka, sehinggalah datangnya *Tamma:m Hassa:n* melalui bukunya *Mana:hij al-Bahth fi al-Lughat* (1965) dan *al-Lughat al- 'Arabiya* *Ma'na:ha wa Mabna:ha:* (1973). Kajian beliau ini telah memberi nafas baru dalam pengkajian linguistik Arab Moden. Beliau telah membincangkan tajuk fungsi nahuan dalam bahasa Arab dengan mendalam dan membuat

pembahagian yang sesuai berdasarkan kajian linguistik Arab lama dan moden. Usaha beliau ini diteruskan oleh para sarjana tatabahasa Arab yang lain seperti *Mustafa: al-nahha:s* (1990), *Fadli Mustafa: al-Sa:qi* (1977), *Ahmad Qaddur* (1996), *Mahmud 'Akka:shat* (2005) dan ramai lagi.

2.1.1.1 Buku-Buku Bahasa Arab Berkaitan Partikel

Buku-buku tatabahasa Arab banyak menerangkan fungsi makna yang dibawa oleh setiap partikel. Makna-makna ini juga boleh ditemui di dalam karya yang khusus membincangkan partikel Ma'a:ni seperti buku *Rasf al-Maba:ni fi huruf al-Ma'a:ni* oleh *al-Ma:laqiyy* (m. 702 H), *al-Jana: al-Da:ni fi Huruf al-Ma'a:ni* oleh *al-Mura:diy* (m. 761 H) dan *Mughni: al-Labib: 'an Kutub al-A'arib* oleh *Ibn Hisya:m al-Asa:riyy* (m. 761H)

Perbincangan tentang fungsi Frasa partikel (al) ada disentuh oleh kitab-kitab nahu lama dan moden, tetapi perbahasan mereka tidak memperinci fungsi dan tugas di dalam satu tajuk yang tersusun. Mereka membahaskan tajuk ini di bawah bab seperti bab *al-Ma'rifaṭ* dan *al-nakiraṭ*. Hal ini menyukarkan para pelajar, khususnya pelajar melayu di zaman yang serba pantas ini untuk mempelajari dan seterusnya menguasai tajuk yang penting ini. Fenomena ini dapat diperhatikan di dalam buku nahu Arab lama seperti *al-kita;b* oleh *Si:bawayh* (m. 180 H), *al-Muqtadab* oleh *al-Mubarrid* (m. 285 H), *al-usu:l fi :*

al-Nahw oleh *Ibn al-Sira:j* (m. 316 H) sehinggalah kepada karya-karya *Ibn Ma:lik* (m. 672 H) seperti *al Fiiyyat*, *al-Tashil* dan *al-Ka:fiyat*.

Keadaan ini berterusan sehinggalah lahir seorang tokoh tatabahasa Arab yang cuba mengubah paradigma dalam penulisan tatabahasa Arab melalui karya-karyanya yang bermutu tinggi, iaitu *Ibn Hisya:am al-AnSa:riyy* (m. 761 H). Beliau telah mengubah hala tuju penulisan nahu Arab daripada hanya menumpukan perhatian kepada aspek yang lebih luas iaitu aspek ayat dan separa ayat. Semua ini dimuatkan dalam bukunya *al-I'ra:b fi Qawa:id al-I'rab* dan diteruskan di dalam bukunya yang paling terkenal *Mughni: al-Labi:b 'an Kutub al-A'a:rib*.

Dalam buku *al-I'ra:b fi Qawa:id al-I'rab*, beliau telah membincangkan pelbagai fungsi nahuan bagi setiap partikel serta memperincikan setiap fungsi nahuan dan fungsi semantik yang di main oleh setiap frasa tersebut beserta contoh-contoh yang sesuai. Manakala dalam buku *Mughni: al-Labi:b 'an Kutub al-A'a:rib* pula, beliau telah membahaskan tajuk ini di dalam bab ketiga yang membicarakan hukum tatabahasa yang berkaitan dengan ayat separa (*shibh jumlat*) iaitu Frasa Partikel Zarf dan Frasa Genitif Jarr. Perbincangan dalam *al-Mughni:* lebih mendalam jika dibandingkan dengan perbincangannya dalam buku *al-I'ra:b*.

Pengaruh Ibn Hisya:m dalam perbahasan topik ini sangat meluas kerana para sarjana nahu Arab yang menyentuh tajuk ini selepasnya tidak dapat lari dari mengambil pendapat dan pandangan beliau dengan sedikit pengolahan sahaja. Ini dapat diperhatikan dalam buku-buku seperti *sharh Qawa:id al-I'ra:b* oleh Muhyi: al-Din al-Ka:fiyajyy (m.876H) dan *sharh Qawa:id al-I'rab* oleh *Muhammad ibn Mustafa a-Qu:jawiyy* (m. 950 H). Kedua-dua buku ini merupakan komentar terhadap karya *Ibn Hisha:m* (m 761 H) iaitu *al-I'rab "an Qawa:id al-I'ra:b*. Di antara komentar terhadap buku *al-I'rab "an Qawa:id al-I'rab* adalah *Mu:sil al-Tulla:b ila: Qawa:id al-I'rab*, hasil tulisan *Kha:lid al-Azhariyy* (m.905H).

Terdapat juga yang ulasan dan komentar terhadap buku *Mughni: al-Labi:b 'an Kutub al-A':rib*, seperti *Ha:shiat al-Dasu:qiyy 'ala: Mughni: al-Labi:b* oleh al-'Alla:mat al-Du:qiyy (m.1230 H) dan juga *Hashiat al-Shumaniyy "ala: Mughni: al-labi:b*. Walaubagaimanapun karya-karya ini tidak keluar dari kaedah yang telah diletakkan oleh *Ibn Hisha:m* dalam membincangkan topik ini.

Selain daripada itu, terdapat juga buku yang ditulis bukan komentar dan ulasan kepada karya *Ibn Hisha:am* seperti *Mubriz al-qawa:id al-'Irabiyyat min al-qasi:dat al-Mija:diyyat* oleh *alRasmu:kiyy al-Juzu:liyy* (m. 1049 H), tetapi jelas

sekali bahawa pengarang buku ini amat terpengaruh dengan pendapat *Ibn Hisha:m*

Daripada kenyataan di atas dapatlah kita simpulkan bahawa *Ibn Hisha:m al-AnSa:riyy* merupakan pelopor kepada penulisan karya tatabahasa Arab yang berkait dengan analisis dan fungsi nahuan serta semantik yang melibatkan struktur ayat dan separa ayat.

Dalam kalangan sarjana tatabahasa Arab moden, *Fakhr al-Din Qabba:wat* boleh dianggap sebagai penulis yang prolifik dalam tajuk kajian ini, beliau telah menulis buku berjudul *I'rab al-Jumal wa ashba:h al-Jumal* (1986) dan juga telah melakukan editan terhadap dua daripada karya-karya di atas iaitu *Sharh Qawa:id al-I'rab* oleh *Muhyi: al-Din al-Ka:fiyajiyy* (m.876 H) dan *Mubriz al-Qawa;id al-I'ra:biyyat* oleh *al-Rasmu:kiyy al-Juzu:liyy* (m. 1049 H)

Di Malaysia, usaha Mohd Rosdi Ismail melalui buku-bukunya seperti bahasa Arab Mikro (Formula dan Praktik) (2000) dan Formula Bahasa Arab Mikro (2003) dapat dianggap sebagai pembuka jalan terhadap lebih banyak kajian terhadap fungsi nahuan setiap struktur dalam bahasa Arab sesuai dengan kehendak dan keperluan Melayu. Mat Taib Pa (1996) dalam kajian konstrastif Arab Melayunya pula turut membincangkan aspek partikel dan kepenggunaanya dalam bahasa Arab.

2.1.2 Penggolongan Frasa Kata Menurut Linguis Arab Silam

Penulis berpendapat untuk membincangkan tentang partikel perlu juga ditinjau secara sepintas lalu aspek penggolongan kata kerana elemen ini mampu untuk mengukuhkan kefahaman tentang makna dan fungsi partikel itu sendiri. ini adalah kerana partikel adalah sebahagian daripada komponen utama penggolongan kata. Namun begitu terdapat perbezaan pendapat dalam kalangan linguis silam dan sebahagian linguis moden dalam aspek penggolongan kata tersebut, justeru penulis mendatangkan kedua-dua pendapat tersebut secara ringkas.

Linguis silam telah membahagikan frasa kata bahasa Arab kepada tiga kategori utama iaitulah:

- i. Frasa nama
- ii. Frasa kerja
- iii. Frasa sendi (partikel)

Kategori ini adalah diasaskan oleh *Sibawaih* dalam bukunya *al-Kitab*. Para linguis silam juga memulakan perbincangan dalam penulisan mereka dengan membicarakan tentang pembahagian frasa kata dan fungsi-fungsinya serta kata terbitan. ('Abbas Hasan: 1964).

Manakala dalam konteks bahasa Melayu, Raja Haji dalam bukunya *Bustan al-Kati:bin li al-Sibya:n al-Mua'limin* dan *Sayyid 'Uthman bin Yahya* dalam kitabnya *Penanggam Bahasa* telah menjejaki linguist Arab dalam pembahagian kata.

Menurut linguist silam Frasa kata Nama ialah frasa yang menunjukkan sesuatu yang bernama, frasa kerja ialah frasa yang menunjukkan berlakunya sesuatu perbuatan dan frasa sendi atau partikel ialah frasa yang tidak mempunyai elemen-elemen tersebut ataupun dalam kata lain tidak mempunyai makna pada zat dirinya sendiri. (Mohd Rosdi: 2006: 67).

Frasa nama dapat dikenal pasti dengan kemasukan tanda-tanda berikut:

i - partikel jarr

ii - tanwin

iii - partikel (al)

iv- partikel seruan (nida:')

v- boleh digabung dan disandarkan makna kepadanya

Frasa kerja dapat dikenal pasti dengan kemasukan tanda-tanda berikut:

1-kata ganti seperti (*ta li al-mutakallim*),(*ta al-ta'ni:s*),(*ya al-mukhatobat*)

(*nun al-niswat*)

Frasa sendi (partikel) dapat dikenal pasti apabila tiada tanda-tanda seperti yang telah diterangkan sama ada tanda-tanda yang terdapat pada frasa kata nama dan begitu juga dengan tanda-tanda yang terdapat pada frasa kata kerja.

(bahagian ini akan disentuh dengan lebih mendalam oleh penulis dalam bab yang seterusnya kerana ia menjadi fokus kajian)

2.1.3 Penggolongan Kata Menurut Linguis Moden

Tamma:m Hasan (1979) adalah antara pelopor awal yang telah keluar daripada teori penggolongan kata kepada tiga. Beliau telah membahagikan kata kepada berikut:

2.1.3(a) Frasa Nama (*isim*):

Ialah perkataan yang menunjukkan kepada sesuatu unsur Konkrit atau Abstrak, tanpa melibatkan masa atau proses. Menurut beliau ini merangkumi frasa nama *za:t* seperti kata nama Khas, kata nama Am juga termasuk *isim ma'na* (kata nama Hadas) seperti kata dasar (*masdar*) kata nama jenis, kata dasar yang bermula dengan mim (masdar mimi), kata nama yang *Mubham* (*asma' al mubhama:t*) yang terdiri daripada arah, waktu, timbangan, bilangan, gambaran dan penjodoh bilangan.

Menurut Tamam Hasan menerusi pembahagian ini kata nama, kata ganti, *asma' al-fi'l*, *kha:lifat al-shawt*, kata tunjuk (*al-isyara:t*), kata nama sambung (*isim al-mausul*), (*al-zhorf*) tidak digolongkan dalam kelompok kata nama (*isim*) tetapi diberikan kategori khas.

2.1.3(b) Frasa Sifat (sifa:t)

Ialah perkataan yang dipakai untuk menerangkan atau memperkatakan tentang ciri atau kriteria sesuatu benda. Kata sifat dipakai untuk menunjukkan sesuatu proses yang berlaku secara kerap atau berterusan. Oleh sebab itu, kata sifat mempunyai kaitan yang rapat dengan Kata Nama dan Kata Dasar

Kata sifat ini juga menurut Tamam Hasan adalah merangkumi sifat kepada *Isim al-Fa'il*, sifat kepada *isim al-Maf'ul*, sifat *al-muba:laghat*, *isim al-Tafdhil* dan *sifat al-musyabahat*.

2.1.3(c) Kata Kerja (الفِعْلُ)

Ialah kriteria yang dipakai untuk menunjukkan berlakunya sesuatu perbuatan pada masa tertentu, sama ada kala lepas, kala kini, atau kala depan.

2.1.3(d) Kata Ganti Nama (الضَّمِيرُ)

Ialah perkataan yang dipakai sebagai ganti kepada sesuatu kata nama sebelumnya. Ia juga adalah perkataan yang tidak mempunyai kata dasar dan terbitan kata (*Ism Ja:mid*) , kata Ganti Nama juga boleh hadir dalam dua keadaan, iaitu wajib dan harus. Kata Ganti Nama yang hadir adalah melibatkan kata Ganti Diri pertama, kata Ganti diri Kedua dan juga kata nama tunjuk (*Isyara:t*). Kata Ganti yang tidak Hadir adalah merangkumi sesuatu yang dirujuk oleh sesuatu ganti nama, sama ada di (*al-Syakh*), sambungan (*al-Mausul*), dan keadaan (*al-syakn*)

2.1.3(e) Kata al-Kha:lifaṭ (الخَالِفَةُ)(ekslamasi)

Ialah perkataan yang diungkapkan penutur untuk memaparkan tentang pendiriannya sama ada berbentuk emosi ataupun terkesan dengan sesuatu keadaan dan peristiwa contohnya : seorang lelaki menzahirkan perasaannya yang bosan akibat perjalanan yang lama, lantas dia berkata “alangkah perlahannya perjalanan ini” (هَيْهَاتَ السَّفَرِ). Atau pun seorang perempuan teruja dengan kacamakan baju yang dilihatnya, katanya “alangkah!! Cantiknya baju ini” (مَا أَجْمَلَ الثَّوْبِ)

Kata al-Khalifaṭ (ekslamasi) adalah satu-satunya golongan kata yang hanya dipakai dalam ayat aksi (الأسلوب الإنشائي) mengikut konteks-konteks gunaan yang telah ditetapkan seperti permintaan (suruhan atau larangan), bunyi, reaksi (kagum), puji dan keji.

Ia tidak mempunyai peranan morfologi seperti kata kerja, kata nama, kata sifat, dan kata dasar yang boleh berubah-ubah mengikut perubahan konteks. Oleh itu Kata Ekslamasi tidak dipakai pada frasa subjek atau prediket atau objek dalam struktur ayat.

Al-Khalifaṭ mempunyai berbagai jenis seperti *khalifaṭ al-i:kha:lat* (*ism al-fa:'il*), *kha:lifaṭ al-Shawt* (*ism al-Shawt*), *khalifaṭ al-Ta'ajub* (*si:ngat al-taa'jub*), *kha:lifaṭ al-madah aw al-za:m* (*af'al al-madah dan al-zam*)

2.1.3 (f) Al-Zarf (الظرف)

Dalam buku-buku tatabahasa silam dan sebahagian buku-buku tatabahasa moden, perbincangan tajuk zarf dibincangkan dalam kata nama akusatif (*al-mansuba:t* (الْمَنْصُوبَات)). Maka tidak hairanlah jika tajuk zarf ini diberi nama *maf'u:l fi:h* (مَفْعُولٌ فِيْهِ). Ini dinamakan demikian kerana kata kerja terjadi pada atau di dalamnya dan ia juga dianggap sebagai bekas kepada kata kerja tersebut.

Dalam bahasa Arab terdapat dua jenis, *iaitu Zarf Zama:n* (masa) dan *Zarf Maka:n(tempat)*. (Hasan : 1987).

Metode penggolongan kata kepada tiga bahagian masih menguasai sebahagian besar sistem pengajian tatabahasa Arab di kebanyakan negara di dunia. Tetapi apabila kita meninjau aspek penggolongan kata dalam bahasa Melayu kita akan mendapati bahawa penggolongan ini telah tidak lagi diamalkan walaupun pada peringkat awal penulisan tata bahasa Melayu adalah berasaskan kepada penggolongan kata dalam bahasa Arab.

Za'aba dalam bukunya "Pelita Bahasa Melayu" telah mengolongkan kata kepada lima bahagian yang utama iaitulah: nama, perbuatan, sifat, sendi (partikel), seruan. Buku ini di tulis dalam tiga jilid. Ini adalah penggolongan baru yang tidak lagi menurut tradisi seperti yang dibuat oleh Raja Haji dalam bukunya *Bustan al-Kati:bin li al-Sibya:n al-Mua'limin* dan *Sayyid 'uthman bin Yahya* dalam kitabnya *Penanggung Bahasa*. (Mohd Rosdi: 2006)

2.2 Definisi Partikel

Partikel dapat didefinisikan sebagai sesuatu golongan kata yang hanya menunjukkan pada makna yang terdapat pada jenis kata selainnya dan tiada sebarang hubungan dengan masa. Dalam definisi ini dapat dilihat bahawa

partikel berbeza dari kata nama (*al-ism*) dari aspek ia tidak menunjukkan makna pada dirinya. Manakala ia berbeza dari kata kerja (*al-fi'l*) dari aspek ketidakiikatannya dengan unsur masa. Partikel juga berfungsi sebagai penyambung ayat antara makna nahuan am (المَعَانِي النَّحْوِيَّةُ الْعَامَّةُ) dalam sesuatu ayat. (Mohd Rosdi 2003: 56)

Penyambungan adalah fungsi atau tugas utama partikel. Ciri ini merupakan asas utama kepada penggolongan kesemua jenis partikel seperti yang akan disenaraikan.

Dalam konteks Bahasa Arab, Partikel merupakan golongan kata yang paling utama untuk menyampaikan fungsi makna penyambungan (perkaitan) antara bahagian-bahagian ayat.

Hanya dua bentuk ayat sahaja yang tidak memerlukan kepada partikel untuk menunjukkan penyambungan unsur-unsur maknanya, iaitu:

AYAT PENYATA (الكَلَامُ الْخَبَرِيُّ)

AYAT PERINTAH (أَسْلُوبُ الْأَمْرِ)

Serta beberapa bentuk AYAT EKSLAMASI (الْخَوَالِفُ)

Antara FUNGSI MAKNA utama yang hanya boleh disampaikan melalui partikel dalam bahasa Arab ialah:

- penafian (النَّفْي)
- pertanyaan (الاسْتِفْهَام)
- penegasan (التَّكْيِيد)
- perintah dengan partikel “lam” (الأَمْرُ بِاللَّامِ)
- pelawaan al-‘ardu (العَرَض)
- Gesaaan (التَّخْضِيص)
- berangan (المُنِي)
- berharap (التَّرْجِي)
- seruan (النِّدَاء)
- sumpah (القَسْم)
- syarat mungkin (الشَّرْطُ الإِمْكَانِي)
- syarat tidak mungkin (الشَّرْطُ الِامْتِنَاعِي)
- kagum (التَّعْجُبُ)
- dorongan (التُّدْبِيَّة)

Selain daripada fungsi-fungsi makna tersebut, partikel juga memainkan peranan sebagai penghubung antara bahagian ayat atau sebagai penghubung ayat.

Jenis partikel dalam bahasa Arab melihat dari perspektif yang kecil adalah seperti berikut

1. Partikel Soal (أَدَوَاتُ الاسْتِفْهَامِ) مَاذَا، لِمَاذَا، هَلْ، كَيْفَ، أ، هَلْ، لِمَاذَا، مَاذَا: (أَدَوَاتُ الاسْتِفْهَامِ)
2. Partikel Syarat (أَدَوَاتُ الشَّرْطِ) أَيْ، مَهْمَا، أَيْ، أَيْنَ، مَنْ (أَدَوَاتُ الشَّرْطِ)
3. Partikel Khalifah Kagum (خَالِفَةُ التَّعَجُّبِ) مَا، كَمْ :
4. Partikel Jazm (الْجَوَازِمِ) لَأ، لَ، لَمَّا، لَمْ، إِنَّ (الْجَوَازِمِ)
5. Partikel Akusatif (النَّوَاصِبِ) كَيْ، كَيْ، لَنْ، إِذَنْ، كَيْ : (النَّوَاصِبِ)
6. Artikel Nasakh (النَّوَاسِخِ) لَأ، لَ، لَمَّا، لَمْ، إِنَّ، إِنْ، لَأ : (النَّوَاسِخِ)
7. Partikel Sendi (حُرُوفُ الْعَطْفِ) حَتَّى، وَ، فَ، ثُمَّ، لَكِنَّ، أَوْ، أَمْ، بَلْ، لَأ : (حُرُوفُ الْعَطْفِ)
8. Partikel Seru (أَدَوَاتُ النَّدَاءِ) هَيَّا، آ، آيَا، وَ، يَا : (أَدَوَاتُ النَّدَاءِ)
9. Partikel Pengecualian (أَدَوَاتُ الاسْتِثْنَاءِ) مَا عَدَا : (أَدَوَاتُ الاسْتِثْنَاءِ)
10. Partikel Jarr (أَدَوَاتُ الْجَرِّ) مِمَّنْ، لِمَنْ، مِنْ، فِي (أَدَوَاتُ الْجَرِّ)

عَدَا، حَاشَا، حَتَّى، كَيْ، مِنْ، فِي

Setiap jenis serta fungsi partikel akan dibincangkan secara teliti dengan mengambil kira pandangan sarjana tatabahasa Aliran. Walaubagaimanapun, penumpuan lebih akan diberikan kepada fungsi partikel “al” dan dibincang

dalam bab yang seterusnya dengan panjang lebar memandangkan ia merupakan fokus utama dalam kajian ini. Tetapi penulis akan juga membincangkan secara ringkas fungsi partikel serta maknanya agar perbezaan dapat lihat dan diperincikan.

2.3 DEFINISI FONEM

Sesetengah penulis apabila membincangkan tentang partikel “al” secara khususnya mereka turut menggunakan terma fonem “al” menggantikan terma partikel “al”. Justeru perlu ditinjau perbezaan antara fonem dan partikel.

Fonem (phoneme) menurut Bloomfield (1933:77) adalah satuan ciri bunyi distingtif terkecil. Dalam linguistik Arab fonem disebut al-wahdah ash-shawtiyyah (Syahin 1984:115). Fonem dapat dibahagi menjadi jenis konsonan (consonant atau sa:mit) dan vokal (vowel atau harakah) (Robins 1989: 106 dan Hija:zi 1978:43).

1.Vokal

Vokal adalah bunyi bersuara yang tidak melibatkan hambatan, geseran, atau sentuhan lidah atau bibir (Bloomfield 1933: 99). Bunyi vokal dibedakan berdasarkan tiga faktor:

Pertama, bentuk mulut terbuka atau tertutup, misalnya vokal [i] dan [u] adalah vokal tertutup, sedangkan [a] dan [ɑ] adalah vokal terbuka;

Kedua, posisi tinggi-rendahnya lidah dalam mulut, misalnya dalam menghasilkan vokal [i] bahagian depan lidah meninggi (high-front), sedangkan dalam menghasilkan vokal [ɑ], [ɒ] dan [æ] posisi depan lidah turun (low-front) (Ladefoged 1993: 79);

Ketiga, bentuk bibir bundar atau takbundar (Lyons 1968: 103), misalnya vokal [u], [o], dan [ɔ] adalah vokal bundar (rounded vowels), sedangkan vokal [i] dan [a] adalah vokal takbundar (unrounded vowels). Pembahagian seperti ini juga terdapat dalam bahasa Arab, harakah fathah (ـَ) yang mewakili vokal [a] dan harakah kasrah (ـِ) yang mewakili vokal [i] merupakan unrounded vowels atau inbisa:th, sedangkan harakah dhammah (ـُ) yang mewakili vokal [u] merupakan rounded vowels atau istidārah (Hija:zy: 1978)


Penulis berpendapat setelah melihat kedua-dua pentakrifan untuk penggunaan “al” bolehlah digunakan kedua-dua istilah tersebut kerana kedua-duanya mampu merujuk kepada fungsi yang wujud kepada “al” tetapi dalam perbincangan ini penulis akan menggunakan istilah partikel “al” dan tidak fonem

“al” kerana penggunaan fonem lebih bersifat linguistik fonetik tetapi partikel

“al” lebih merujuk kepada fungsi makna.

2.4 Jenis-Jenis Partikel Yang Utama

Antara jenis-jenis partikel utama yang perlu diberi penekanan ialah:



Rajah 2.1 Jenis-Jenis Partikel Yang Utama

2.4.1 Partikel Definit أَلُ الْمَعْرِفَةِ

Penulis akan membincangkan tajuk ini dalam bab seterusnya (bab tiga) kerana ia menjadi fokus utama kajian.

2.4.2 Partikel Jarr حُرُوفُ الْجَرِّ

Dalam bahagian ini penulis akan menjelaskan konsep partikel Jarr secara ringkas. Oleh kerana partikel Jarr mempunyai kaitan langsung dengan frasa Genitif maka penulis akan menghuraikan dulu konsep frasa genitif dan hubungannya dengan partikel Jarr

2.4.2.1 Definisi Frasa

Tatabahasa dewan (1993) mendefinisikan frasa sebagai unit yang boleh terdiri daripada satu susunan yang mengandungi sekurang-kurangnya dua perkataan atau pun satu perkataan yang berpotensi untuk diperluas menjadi dua perkataan atau lebih. Contoh yang diberikan adalah seperti: *Burung merpati* terbang melayang dan *Anak kecil* itu sedang tidur.

Mat Taib Pa (1996) dalam kajiannya menyenaraikan empat bentuk frasa dalam bahasa Arab Iaitu frasa kata nama, frasa kata kerja, frasa adjektif dan frasa genitif jarr. Perbincangan para ulama nahu Arab tentang kedudukan frasa genitif dalam bahasa Arab boleh dilihat di bawah tajuk Kata Nama Berkasus Genitif (*al-majru:ra:t*).

Dengan kata lain partikel Jarr adalah sub topik yang berada di bawah tajuk frasa genitif (*al-majru:rat*)

2.4.2.2 Definisi Frasa Genitif

Frasa genitif boleh ditakrifkan sebagai satu ungkapan yang terdiri daripada salah satu partikel Jarr dan kata nama yang datang selepasnya atau gabungan dua kata nama yang menyebabkan kata nama yang kedua akan menerima kasus genitif jarr.

2.4.2.2 (a) Tanda Kasus Frasa Genitif

Dalam bahasa arab terdapat tiga tanda bagi kasus genitif iaitu satu tanda utama dan dua tanda sampingan. Tanda utama bagi kasus genitif adalah baris *al-kasrat*. Tanda ini terdapat pada kata nama tunggal, kata nama *jama' taksir al-tawahhum* dan kata nama *jama' feminin* dalam kasus genitif.

2.4.2.2 (b) Pembahagian Frasa Genitif

Kata nama dalam bahasa Arab akan menerima kasus genitif dalam lima keadaan, iaitu: melalui penambahan partikel genitif jarr sebelumnya, melalui penyandaran (*al-idafat*), susulan (*al-tawa:bi'*), penghampiran (*al-muja:warat*) dan kata sifat.

2.2.4.2 (c) Makna Partikel Genitif

Partikel seperti yang telah dijelaskan dapat didefinisikan sebagai satu golongan kata yang hanya menunjukkan pada makna yang terdapat pada jenis kata selainnya dan tiada sebarang hubungan dengan masa. Dalam definisi ini dapat dilihat partikel berbeza dari kata nama (al-ism) dari segi ia tidak menunjukkan makna pada dirinya, manakala ia berbeza dari kata kerja (al-fi'il) dari segi ketidakitannya dengan unsur masa.

Manakala partikel genitif pula merupakan morfem-morfem nahuan yang boleh mengubah tanda ('ira:b) kasus kata nama kepada genitif. Dalam tradisi sarjana nahu Arab klasik, partikel ini juga dikenali *huru:f al-Jarr* (al-sagh:r : 2001)

Partikel juga dikenali alat penyambung (أَدَوَاتُ الرِّبْطِ) atas sifatnya yang berfungsi sebagai penyambung di antara perkataan. Partikel boleh dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu:

- i. Partikel *Ma'ani*: (حُرُوفُ الْمَعَانِي) yang membawa pengertian baru dalam sesuatu ungkapan.

ii. Partikel Tambahan (حُرُوفُ الزِّيَادَةِ) yang tidak membawa apa-apa pengertian selain daripada menegaskan (*tauki:d*) makna sesuatu ungkapan.

2.4.2.2(d) Makna Partikel Genitif (JARR)

Dari segi bahasa al-Jarr bererti “penarikan”. Oleh itu, orang Arab telah menamakan hujan yang sangat lebat dengan aliran airnya sangat deras sehingga menarik setiap sesuatu sebagai (جَار الضَّبَعِ), (Kamarul Syukri: 2005).

Manakala jika ditinjau dari sudut istilah, Partikel Genitif Jarr dapat didefinisikan sabagai sebahagian daripada jenis *i'ra:b* yang partikelnya terletak sebelum kata nama yang menerima kasus genitif.

Kasus genitif atau *Jarr* adalah salah satu daripada tiga kasus bagi kata nama bahasa Arab, selain daripada kasus nominatif (المَرْفُوع) dan kasus akusatif (المَنْصُوب).

Penamaan partikel tersebut dengan “*Huru:f al-Jarr*” adalah mengambil istilah yang dipakai oleh para sarjana nahu Arab aliran *basrat* seperti *Si:bawayh* (m.180 H), *Al-Mubarrid* (m.285 H) dan *Ibn al-Siraj* (m 316). Manakala bagi sarjana nahu Arab aliran *Ku:fat* pula, mereka menamakannya sebagai “*Huru:f al-Ida:fat*”, atas sifatnya yang menghubungkan antara kata nama dan kata kerja. Mereka juga menamakannya sebagai “*huru:f al-Sifa:t*” kerana partikel itu

menjadi sifat yang menerangkan masa, tempat dan sebagainya bagi kata nama (*al-Labadiyy*: 1986).

Kepentingan Partikel Genitif dalam bahasa Arab jelas kelihatan pada sifatnya yang berkemungkinan mempunyai makna lebih daripada satu. Dalam keadaan tersebut Partikel Genitif akan bertindak sebagai penentu makna ayat. Makna sebenar sesuatu ayat tidak dapat ditentukan kecuali melalui perantaraan Partikel Genitif.

Contoh yang selalu digunakan dalam keadaan ini adalah makna kata kerja

(رَغِبَ) yang boleh membawa makna yang berbagai. Makna sebenar kata kerja ini hanya dapat ditentukan dengan melihat kepada partikel genitif yang datang selepasnya, seperti :

(رَغِبَ فِي) = gemar atau ingin),

(رَغِبَ عَنِ) = berpaling atau tidak ingin)

dan (رَغِبَ إِلَى) = memohon dengan rendah diri) ('Abd al-Lati:f : 1996).

2.2.4.4 Jenis-Jenis Partikel Genitif dan Fungsi Makna Utamanya.

Jumlah semua partikel jarr yang disepakati oleh ilmuan nahu Arab adalah dua puluh partikel kesemuanya. Kebanyakan daripada partikel-partikel tersebut mempunyai lebih daripada satu makna.

Bagi tujuan pendedahan ringkas penulis hanya memilih sepuluh Partikel Jarr dan fungsi maknanya yang utama sahaja. (Sultaniyy: 2000)

Partikel-Partikel tersebut ialah:

1. Partikel (من). Makna utamanya ialah permulaan atau awalan sesuatu tempat atau masa.
2. Partikel (إلى) Makna utamanya ialah pengakhiran sesuatu tempat atau masa.
3. Partikel (في). Makna utamanya adalah menunjukkan Zarfiyyat atau adverva.
4. Partikel (على) Makna utamanya adalah adverva dan menunjukkan ketinggian.
5. Partikel (عَنْ) Makna utamanya adalah pemisahan dan perbezaan
6. Partikel (ب) Makna utamanya adalah *al-ta'diyat*
7. Partikel (ل) Makna utamanya adalah pemilikan dan kepunyaan.
dan ketinggian.

8. Partikel (ك) Makna utamanya adalah untuk menunjukkan persamaan atau perbandingan.

9. Partikel (حتى) Makna utamanya adalah untuk menunjukkan pengakhiran sesuatu.

10. Partikel (منذ) Makna utamanya adalah untuk menunjukkan permulaan atau awalan.

Jumlah Semua Partikel Jarr ialah 20 perkataan . Antara yang paling kerap digunakan ialah:-

Jadual 2.1 Huruf Partikel Jarr

Partikel	Makna BM	Fungsi Maka	Contoh Ayat
من	Daripada Dari	Sebahagian Awalan	جَاءَ إِبْرَاهِيمُ مِنَ الْقَرْيَةِ Ibrahim datang dari kampung,
إلى	Kepada /Ke Hingga	Akhiran	قَرَأْتُ الْقُرْآنَ إِلَى السُّورَةِ الْآخِيرَةِ Saya telah membaca al-Quran hingga ke surah yang terakhir.

ك	Seperti	Perbandingan	حَمَزَةٌ كَالْأَسَدِ شَجَاعًا Hamzah berani seperti singa.
فِي	Pada Di	Adverva	{لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ} Sesungguhnya pada diri Rasullulah itu suri tauladan yang baik.
بِ	Dengan	Penggunaan	ذَهَبْتُ إِلَى الْمَدْرَسَةِ بِالسَّيَّارَةِ Saya pergi ke sekolah dengan kereta.
عَلَى	Di atas	Adverva	يَلْبَسُ زَكِيَّ الْعِمَامَةِ عَلَى رَأْسِهِ Zaki memakai serban di atas kepalanya.
عَنْ	Berkenaan Dari	Pemisahan	{وَمَا يَنْطِقُ عَنِ الْهَوَى} Dan tidaklah Dia (S.A.W) bercakap dari hawa nafsu.
حَتَّى	Hingga	Sebab	{سَلَامٌ هِيَ حَتَّى مَطَلَعِ الْفَجْرِ} Sejahteralah hingga ke fajar menyingsing.

مُنذ	Semenjak	Akhiran	لَمْ أَرَكَ مُنذُ الْبَارِحَةِ Aku tidak melihat mu semenjak semalam.
رُبَّ	Banyak Sedikit Beberapa	Awalan	رُبَّ صِنَاعَةٍ نَافِعَةٍ مَارَسْتُهَا Ada beberapa pekerjaan berfaedah yang ku praktikkan.

Kesimpulan Partikel Genitif

Pemadanan sesuatu “agen” dengan mana-mana Partikel Jarr dalam ayat hendaklah dilihat kepada “kesesuaian makna” atau “kemunasabahan” rangkap Partikel Jarr berkenaan untuk membawa makna tambahan kepada “agen” tersebut.

2.4.3 PARTIKEL SENDI

PENDAHULUAN

Partikel Sendi ialah kata sendi yang dipakai sebagai penyambung antara “dua perkataan” atau antara “dua ayat”. Mohd Rosdi Ismail (2004:68).

Contoh penyambungan antara dua perkataan:-

ذَهَبَ الطَّالِبُ وَ زُمَلَاؤُهُ إِلَى الْمَدْرَسَةِ

Maknanya : Seorang pelajar lelaki dan kawan-kawannya ke sekolah

Contoh penyambungan antara dua ayat:-

طَبَخَ سَلْمَانَ الْأُرْزَ ثُمَّ أَكَلَهُ

Maknanya : Salman masak nasi kemudian dia memakannya

Jumlah semua Partikel sendi ialah 10 perkataan , iaitu:-

Jadual 2.2 Partikel Sendi

Partikel sendi	Makna B.M	Fungsi makna	Contoh ayat dalam b .Arab
وَ	Dan	Bersama	حَضَرَ الْأُسْتَاذُ وَ الطُّلَابُ الْيَوْمَ Sorang guru dan pelajar- pelajar (bersama) hadir pada hari ini.

ف	Berikut/Selepas itu	Berturutan Beriringan	جَاءَ عَلِيٌّ فَأَخُوهُ Ali datang selepas itu datang pula abangnya.
ثم	Kemudian	Berentetan	قَرَأَ زَيْدٌ الدَّرْسَ ثُمَّ كَتَبَهُ Zaid membaca pelajaran kemudian dia menulisnya.
حتى	Sehingga/ Sekalipun	Beransur / klimaks	شَارَكَ الْمُسْلِمُونَ الْحَرْبَ حَتَّى النِّسَاءِ Orang-orang Islam menyertai peperangan sehingga (termasuk) golongan wanita. مَاتَ النَّاسَ حَتَّى الْإِنْبِيَاءِ Semua manusia mati sekalipun (termasuklah) para nabi.
أم	Ataupun / Sama ada	Penentuan / Penyamaan	أَمُّحَمَّدًا قَابَلْتُ أُمَّ زَيْدًا Kamu bertemu Muhammad ataupun Zaid. {سَوَاءٌ عَلَيْهِمْ أُنذِرْتَهُمْ أَمْ لَمْ تُنذِرْهُمْ} Sama ada kamu memperingati mereka ataupun tidak.

أو	Atau	Pemilihan/ Pengharusan/ Keraguan/ Kekaburan/ Pembahagian Perincian	<p>إِمَّا أَنْ تَفْعَلَ ذَلِكَ أَوْ تُشْرِكْهُ</p> <p>Sama ada kamu membuatnya ataupun meninggalkannya</p> <p>جَالِسِ الْعُلَمَاءِ أَوْ الزُّهَادِ</p> <p>Berkawanlah dengan ulamak ataupun dengan orang-orang zuhud.</p> <p>{قَالُوا لَبِثْنَا يَوْمًا أَوْ بَعْضَ يَوْمٍ}</p> <p>Mereka berkata kami merasakan sama ada sehari atau beberapa hari.</p> <p>{وَأِنَّا أَوْ إِنَّاكُمْ لَعَلَىٰ هُدًى أَوْ فِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ}</p> <p>Sama ada kami ataupun kamu yang berada dalam petunjuk atau (kamu) dalam kesesatan.</p> <p>"قَالَ النَّحَاةُ "الْكَلِمُ اسْمٌ أَوْ فِعْلٌ أَوْ حَرْفٌ"</p> <p>Berkata para linguis "perkataan itu sama ada kata nama atau kata kerja atau kata sendi".</p>
----	------	---	--

إما	Ataupun	Pemilihan/ Pengharusan Keraguan/ Kekaburan Pembahagian Perincian	{إِمَّا أَنْ تُعَذِّبَ وَإِمَّا أَنْ تَتَّخِذَ فِيهِمْ حَسَنًا} Sama ada kamu disiksa ataupun kamu bersama dengan mereka. إما أَنْ تَشْرَبَ قَهْوَةً وَإِمَّا حَلِيبًا Sama ada kamu(hendak) minum kopi atau minum susu. جَلَسْتُ هُنَا إِمَّا سَاعَتَيْنِ وَإِمَّا ثَلَاثًا Aku dah duduk ni sama ada dah dua jam atau tiga jam {إِمَّا يُعَذِّبُهُمْ وَإِمَّا يَتُوبُ عَلَيْهِمْ} Sama ada diazabkan keatas mereka atau mereka bertaubat {إِمَّا شَاكِرًا وَإِمَّا كَافِرًا} Sama ada menjadi orang yang bersyukur atau orang yang kufur.
بل	Bahkan	Penegasan	مَا أَنَا فَعَلْتُ ذَلِكَ بَلْ فَعَلَهُ غَيْرِي Bukanlah aku yang buat perkara tersebut bahkan orang lain yang buat.

		Pemesongan	<p>قام زيدٌ بل لقمان</p> <p>Bukanlah Zaid yang bangun tetapi Luqman.</p>
لكن	Tetapi	Pembetulan	<p>لا تُصَاحِبِ الْخَائِنَ لَكِنِ الْأَمِينِ</p> <p>Jangan berkawan dengan pengkhianat tetapi berkawanlah dengan orang yang amanah.</p>
لا	Bukannya	Penafian	<p>يَفُوزُ الْمُجْتَهِدُ لَا الْكَسُولُ</p> <p>Yang berjaya ialah orang berusaha bukannya orang yang malas.</p>

2.4.4 PARTIKEL SOALAN

Partikel Soalan ialah perkataan yang dipakai adalah untuk bertanyakan tentang sesuatu perkara.

Ia terdiri daripada 13 Partikel berikut:-

Jadual 2.3 Partikel Soalan

Partikel	Makna BM	Fungsi Tanya	Contoh Ayat
أ	Apakah	Kepastian	أَأَنْتَ أَكَلْتَ هَذَا أَمْ يُوسُفُ؟ Apakah kamu yang makan atau Yusuf?
هَلْ	Adakah	Maklumat	هَلْ تُسَافِرُ غَدًا؟ Adakah awak akan bermusafir besok?
مَا	Apa	Benda	مَا تِلْكَ بِيَمِينِكَ يَا عَلِيُّ؟ Apa yang ada ditangan awak Ali?
مَاذَا	Apakah	Benda	مَاذَا يَفْعَلُ الْمُسْلِمُونَ فِي مَكَّةَ؟ Apa yang orang Islam buat di Mekah?
مَنْ	Siapa	Orang	مَنْ الَّذِي يَذْهَبُ مَعَكَ؟ Siapa yang pergi bersama awak?
مَتَى	Bilakah	Masa	مَتَى الْإِحْتِبَارُ؟ Bila peperiksaan?

أَيَّانَ	Bia Lagikah	Kepastian Masa	{ يَسْأَلُونَكَ عَنِ السَّاعَةِ ، أَيَّانَ مُرْسَاهَا } Mereka bertanyakan tentang kiamat bilakah ia akan berlaku?
كَيْفَ	Bagaimana	Bagaimana	كَيْفَ حَالِكُمْ الْيَوْمَ؟ Bagaimana keadaan awak hari ini? (awak apa khabar?)
أَيْنَ	Di Mana	Tempat	أَيْنَ بَيْتِكَ يَا زَكَرِيَّا؟ Dimana rumah awak Zakaria?
أَيُّ	Macam mana	Cara	{ قَالَتْ أَيُّ يَكُونُ لِي غُلَامٍ } Dia berkata macam mana saya mampu mempunyai anak.
كَمْ	Berapa	Bilangan	كَمْ تُفَاعَةَ أَكَلْتِ؟ Berapa epal yang telah kamu makan?
لِمَاذَا	Kenapakah	Sebab	لِمَاذَا لَا تَقْرَأُ هَذَا الْكِتَابَ؟ Kenapa awak tidak membaca buku ini?
أَيُّ	Manakah	Penentuan	أَيُّ الْفَرِيقَيْنِ أَحَبُّ إِلَيْكَ؟ Antara dua pasukan ini yang manakah awak suka?

Pertanyaan melalui partikel-partikel tersebut biasanya tertumpu kepada dua perkara, iaitu;-

1- Bertanya tentang “benda” *الاستِفْهَامَ عَن شَيْءٍ ذَاتِيٍّ أَوْ مَعْنَوِيٍّ*

Iaitu :- bahagian ayat sama ada Subjek atau Prediket, seperti “orang, masa, cara, keadaan, tempat, sebab, pemilihan dan sebagainya.

2. Bertanya tentang “fakta” (*الاستِفْهَامَ عَن الْحُكْمِ*)

Iaitu:- “kenyataan” yang berlaku melalui perkaitan makna antara Subjek (*المُسْتَدَّ إِلَيْهِ*) dan Prediket (*المُسْتَدَّ*)



Rajah 2.1 Bentuk Pertanyaan

2.4.5 Partikel Nafi

Partikel nafi ialah kata yang dipakai untuk membuat “penafian” tentang sesuatu kenyataan atau fakta.

Apa yang dinafikan selalunya berbentuk fakta perkaiatan makna antara subjek dan predikat.

Setiap partikel soalan mempunyai fungsi dan konteks yang khusus

Berlaku pertindihan fungsi makna antara partikel “*laa*”, “*Laysa*”, “*maa*”, dan *Inn* tetapi digunakan berdasarkan konteks dan syarat-syarat tertentu.

Partikel ‘*Lan*’, “*lam*”, “*Lamma*”, hanya digunakan khusus untuk penafian kata kerja *mudhari* sahaja.

Hanya partikel *Ghairu* sahaja yang dipakai secara “bersandang” dengan perkataan selepasnya.

Partikel Nafi adalah seperti berikut:-

Jadual 2.4 Partikel Nafi

Partikel	Makna BM	Fungsi nafi	Contoh
لَنْ	Tidak Akan	Masa Depan	لَنْ يَدْخُلَ خَالِدٌ Khalid tidak akan masuk.
لَمْ	Telah Tidak	Masa Lepas	لَمْ يَنْجَحِ الْكَسُولُ Orang yang malas (telah) tidak berjaya.
لَمَّا	Belum Lagi	Masa Kini	لَمَّا يَأْتِي مُحَمَّدٌ بَعْدَ Muhammad belum lagi datang.
لَيْسَ	Bukanlah Masih Belum	Nafi Predikat	لَيْسَ الْقِطَارُ مُقْبِلًا Keretapi masih belum sampai.
لَا	Tidak	Nafi Predikat	{ لَا تَرِيدُ مِنْكُمْ جَزَاءً وَاشْكُورًا } Kami tidak perlukan balasan dan ucapan terima kasih. لَا أَحَدٌ أَفْضَلُ مِنْكَ Tidak ada orang lebih baik daripada kamu. لَا أَحَدٌ أَفْضَلُ مِنْكَ Tidak ada seorang pun yang lebih baik daripada kamu.

			<p>قِيلَ لَكَ: هَلْ جَاءَ الْمُدِيرُ 'فَتُجِيبُ لَا</p> <p>Dikata kepada kamu “Adakah pengetua telah datang lantas dijawab tidak?”.</p>
مَا	<p>Tidak</p> <p>Bukanlah</p>	Nafi Predikat	<p>مَا رَأَيْتُ أَحَدًا</p> <p>Saya tidak nampak seorang pun.</p> <p>مَا هَذَا بَشَرًا</p> <p>Ini bukanlah manusia.</p>
إِنْ	<p>Tidaklah</p> <p>Bukanlah</p>	Nafi Predikat	<p>إِنْ الذَّهَبَ رَخِيصًا</p> <p>Bukanlah emas itu murah.</p> <p>{ إِنْ الْكَافِرُونَ إِلَّا فِي غُرُورٍ }</p> <p>Tidaklah orang kafir itu melainkan dalam tipu daya.</p>
غَيْرَ	<p>Bukan</p>	Nafi Sifat	<p>{ إِنَّهُ عَمَلٌ غَيْرُ صَالِحٍ }</p> <p>Sesungguhnya ia bukanlah pekerjaan yang baik.</p>

2.5 Selayang Pandang Aspek-Aspek Perbezaan Antara Bahasa Arab dan Bahasa Melayu.

Untuk mengetahui punca kepada sesuatu permasalahan, perlulah dilihat secara menyeluruh dan mengenal pasti asas-asas kepada masalah tersebut. Dalam konteks penguasaan partikel “al”, pada hemat penulis, sewajarnya juga dilihat perkara-perkara asas yang membezakan antara kedua-dua bahasa yang dikaji iaitu antara bahasa Arab dan bahasa Melayu. Ini bagi membolehkan dan memudahkan penulis mengenal pasti punca masalah dengan melihat perbezaan-perbezaan antara kedua-dua bahasa tersebut.

Melihat kepada realiti masyarakat Malaysia sekarang. Sesungguhnya keperluan begitu mendesak supaya wujudnya kajian perbandingan antara bahasa Arab dan bahasa Melayu, keperluan ini akan membuka jalan untuk memacu kita bagi mendapatkan metode yang betul dan terbaik dalam proses pengajaran dan pembelajaran anak didik dalam mempelajari bahasa yang mulia ini.

Antara aspek yang perlu diberi penekanan dalam kajian perbandingan antara dua komponen bahasa tersebut ialah:

- a- Ciri-ciri umum antara bahasa Melayu dan bahasa Arab.
- b- Perbezaan dan persamaan dalam aspek fonetik.

- c- Perbendaharaan kata: penggolongan kata, dan semantik bagi perkataan tersebut.
- d- Jenis ungkapan sama ada ayat kerjaan atau ayat kata nama
- e- Panjang pendek fonetik
- f- Ayat tambahan
- g- Penjodoh bilangan, I'rab(kasus)
- h- Ayat yang menggunakan kata penegas dan kata kerja pembantu.

2.5.1 Ciri-Ciri Umum Bahasa Antara Bahasa Arab Dan Bahasa Melayu

Penulis berpendapat antara aspek penting yang perlu dilihat dalam kajian ini adalah melibatkan aspek ciri-ciri umum bahasa Arab

Menurut kajian linguis moden bahasa Arab adalah bahasa yang terdiri dalam golongan bahasa jenis *inflected language* atau pun bahasa yang berpaksikan kata dasar.

Ini membawa maksud hampir kesemua pecahan katanya adalah bersumberkan daripada kata dasar yang tiga huruf.

Aspek ini telah membezakan bahasa Arab dengan bahasa Melayu yang berorientasikan imbuhan dalam menghasilkan perbendaharaan kata yang baru.

Contoh perkataan bahasa Arab:

كَاتِبٌ berasal daripada kata dasar كَتَبَ

مَكْتُوبٌ juga berasal daripada kata dasar كَتَبَ

كَاتِبٌ adalah berbeza dari sudut semantiknyanya dengan مَكْتُوبٌ

كَاتِبٌ Membawa maksud pelaku perbuatan tersebut atau pembaca

مَكْتُوبٌ bermaksud yang ditulis ataupun tertulis. semuanya berasal daripada kata dasar yang satu iaitulah كَتَبَ

Namun begitu terdapat juga sebahagian kecil daripada perkataan bahasa Arab yang berakarkan empat huruf dan dikenali *fi'il ruba'ie*

Bahasa Melayu adalah daripada kumpulan bahasa yang menerima imbuhan awalan (prefix) dan imbuhan akhiran (suffix) hanya sedikit sahaja perkataan bahasa Melayu yang menerima imbuhan di tengahnya.

Contoh perkataan bahasa Melayu :

Perjalanan adalah berasal daripada kata dasar *jalan*

Berjalan juga adalah berasal daripada kata dasar *jalan*

Terdapat juga dalam bahasa Melayu penambahan imbuhan ditengah tetapi jumlah adalah amat kecil seperti:

perkataan “*gemersik*” daripada kata dasar “*gersik*”, “*gemuruh*” daripada kata dasar “*guruh*”.

Menurut Abdul Razak Hassan Muhammmad (2000:62)

“Perkataan dalam bahasa Melayu menerima imbuhan awalan dan imbuhan di akhiran dan sedikit sahaja perkataan yang menerima imbuhan di tengah dan ia bergantung kepada penyesuaian perkataan dengan kata dasar. Imbuhan awalan adalah lebih banyak terdapat dalam perkataan bahasa Melayu diikuti imbuhan akhiran dan amat sedikit perkataan yang menerima imbuhan di tengah perkataan. Bahasa Melayu juga tidak terkesan dengan kejantinaan”.

Melihat kepada ciri-ciri khusus bahasa Arab, didapati bahasa Arab mempunyai keistimewaan bahawa ia adalah bahasa yang berpaksikan kepada asal perkataan (kata dasar)

2.5.1.1 Ciri Fonetik

Penulisan bahasa Melayu dapat dilakukan dengan menggunakan tulisan jawi dan tulisan Rumi (latin) ini adalah berbeza dengan penulisan dalam bahasa Arab kerana ia hanya dapat ditulis dalam tulisannya yang khusus yang juga lebih dikenali dengan *lughat al-dhot* (لُغَةُ الضَّادِ).

Perkataan Bahasa Arab tidak dimulakan dengan huruf yang tidak berbunyi seperti *sakin* seperti (ادخل dan أعرب) tetapi jika terdapat keadaan yang huruf awalnya tidak berbaris (*sakin*) maka *hamzat al-wasal* ditambah seperti perkataan (انكسر ، انقطع ، استعفر) dan juga perlaku kepada asma al-‘asyarat seperti (اثنتان ، اثنتان ، است ، ايم ، ايمن ، امرأ ، امرأه اسم ، ابن ، ابنة) .

Bagi bahasa Melayu kebanyakan perkataannya adalah bermula dengan berbaris seperti:

Anak, emak, ayah dalam aspek ini wujudnya persamaan antara bahasa Melayu dengan bahasa Arab.

Dalam bahasa Melayu terdapat juga perkataan yang bermula tanpa baris tetapi jumlahnya amat sedikit seperti perkataan strategi, statik, brek. Yang kebanyakan perkataan ini adalah pinjaman daripada bahasa Inggeris.

Dalam bahasa Arab terdapat huruf-huruf hijaiyyat yang tidak terdapat dalam bahasa Melayu seperti (ث، ح، خ، ص، ض، ط، ظ، ذ، غ، ق) ini menjadikan sebahagian penutur melayu agak sukar menyebut begitu juga sebaliknya terdapat huruf-huruf melayu yang tidak terdapat dalam bahasa Arab seperti: nya, cha, v dan ga.

Antara elemen lain yang membezakan bahasa Melayu dengan bahasa Arab ialah tidak terdapat dalam fonetik Melayu fenomena seperti memanjangkan suara (*al-mad*), tekanan suara (*a-syahddah*), *tanwin*, *al-syamsiyyat* dan *al-qamariyyat* dan juga **penggunaan “al”** (*yang menjadi topik berbincangan penulis nanti*)

2.5.1.2 Ciri Kosa Kata

Dari aspek kosa kata terdapat perkataan bahasa Melayu yang berasal daripada bahasa Arab contohnya Islam, iman, haji, solat, musolla, mihrab, hayat, Isnin, Khamis dan banyak lagi.

Dalam bahasa Arab terdapat mufrad, duaan dan jamak tetapi dalam bahasa Melayu hanya terdapat mufrad dan jamak sahaja seperti kebanyakan bahasa lain di dunia.

Bahasa Arab mempunyai elemen ringkas, jika terjemahan kepada perkataan ini dibuat dalam bahasa Melayu akan menjadikan terjemahannya agak panjang seperti perkataan:

1. *الْعَمُّ* terjemahannya dalam bahasa Melayu ialah “bapa saudara sebelah bapa”.
2. *الْخَالَةُ* terjemahannya dalam bahasa Melayu ialah “emak saudara sebelah emak”.
3. *هُوَ وَصَلَ* terjemahannya dalam bahasa Melayu “dia (seorang lelaki) telah sampai”.
4. *هُمَا وَصَلَا* terjemahannya dalam bahasa Melayu “mereka berdua telah sampai”.

2.5.1.3 Ciri Susunan Struktur Ayat

Susunan struktur ayat bahasa Arab amat berbeza dengan susunan ayat dalam bahasa Melayu. Bahasa Arab mempunyai ragam ayat yang pelbagai sedangkan bahasa Melayu hanya mempunyai satu atau dua jenis ragam ayat sahaja.

Susunan struktur ayat dalam bahasa Arab boleh dimulakan dengan kata nama (*al-jumlat al-Ismiyyat*), kata kerja (*al-Jumlat al-fi’liyyat*), kata sendi (partikel) (*sibh al-Jumlat*) sedangkan dalam bahasa Melayu hanya satu ragam ayat sahaja iaitulah struktur ayat yang bermula dengan kata nama sahaja.

Sebagai contoh ayat dalam bahasa Arab yang bermula dengan kata nama:

مُحَمَّدٌ يَدْرُسُ فِي الْفَصْلِ yang bermaksud Muhammad sedang belajar dalam kelas.

Struktur ayat yang bermula dengan kata kerja:

يَدْرُسُ مُحَمَّدٌ فِي الْفَصْلِ yang juga bermaksud Muhammad sedang belajar dalam kelas.

Struktur ayat yang bermula dengan kata sendi partikel:

فِي الْفَصْلِ يَدْرُسُ مُحَمَّدٌ yang juga bermaksud Muhammad sedang belajar dalam kelas.

Ketiga-tiga ayat ini mempunyai fungsi makna yang berbeza dalam bahasa Arab ayat yang pertama lebih memfokuskan kepada pelaku proses tersebut seperti orang bertanya siapa yang sedang belajar dalam kelas lantas? dijawab Muhammad sedang belajar dalam kelas fokusnya ialah Muhammad. Justeru ayat dalam bahasa Arab tersebut meletakkan Muhammad dihadapan kerana ia menjadi fokus ucapan.

Manakala ayat yang kedua pula adalah menjawab persolan apa yang sedang dilakukan oleh Muhammad.

Fokus ayat ini adalah perbuatan justeru didahulukan kata kerja untuk menunjukkan keutamaan bagi menjawab persoalan yang diajukan.

Ayat yang ketiga pula adalah menjawab persoalan yang dikemukakan iaitu dimanakah proses tersebut dilakukan. Bagi menjawab fokus soalan tersebut didahulukan kata sendi (partikel) dalam ayat tersebut.

Ragam ayat tersebut tidak akan terkeliru dalam bahasa Arab kerana wujudnya elemen kasus (*haraka:t al-i'rabiyyat*) yang menjelaskan fungsi nahu dan fungsi maknanya.

2.5.1.4 Ciri Kasus

Antara ciri khusus yang terdapat dalam bahasa Arab ialah kasus (*haraka:t 'I'rabiyyat*). Bahasa Arab mempunyai tanda khusus diakhir setiap perkataan Sama ada *nasab, rafa', jarr, sukun*.

Tanda-tanda kasus ini mempunyai fungsi makna yang besar dalam bahasa Arab
Sebagai contoh :

إِبْرَاهِيمَ يَأْخُذُ التُّفَّاحَةَ

Ibrahim mengambil epal.

إِبْرَاهِيمُ berbaris rafa' dengan dommat kerana berkedudukan sebagai pelaku, dalam bahasa Arab pelaku yang mufrad berkasmuskan rafa'.

يَأْخُذُ berbaris rafa' dengan dommat kerana berkedudukan sebagai kata kerja mudhari', dalam bahasa Arab kata kerja mudhari' berkasmuskan rafa'.

التُّفَّاحَةَ berbaris nasab dengan fathat kerana berkedudukan sebagai objek, dalam bahasa Arab objek berkasmuskan nasab.

Kedudukan perkataan boleh diubah dalam bahasa Arab tetapi fungsi maknanya ditentukan oleh tanda kasus yang wujud bagi setiap perkataan.

Ciri-ciri ini tidak terdapat langsung dalam bahasa Melayu kerana bahasa Melayu berpaksi kepada struktur ayat. Struktur ayatlah yang menentukan makna bagi setiap perkataan.

2.6 Rumusan

Dalam bab ini penulis telah menghuraikan definisi partikel, frasa genitif, jenis-jenis partikel yang terdapat dalam bahasa Arab. Seterusnya penulis telah mengambil lima jenis partikel yang utama iaitulah partikel Definit "al", partikel

Jarr, partikel Soalan, partikel sendi dan partikel Nafi disamping menerangkan fungsi serta penggunaannya tetapi penulis tidak menghuraikan partikel Al kerana akan membincangkannya dengan terperinci dalam bab yang akan datang. Penerangan tentang jenis-jenis partikel akan membantu pembaca untuk membezakan setiap jenis partikel serta dapat membeza lantas mengaplikasikannya dalam konteks yang betul dan tepat. Penerangan melibatkan ciri-ciri umum antara bahasa Arab dan bahasa Melayu akan membantu pengkaji untuk melihat aspek-aspek perbezaan dan persamaan dan mengenal pasti punca masalah terutamanya melibatkan penguasaan partikel “al” dalam bab analisis nanti.